

Tunku Abdul Rahman berketurunan Sam Sam

Dari muka 32

“Di Thailand pula, komuniti ini dianggap sebagai golongan minoriti yang sudah pun diperkasa dengan ajaran agama Islam berbanding ajaran agama lain,” katanya.

Siti Munirah berkata, dalam pengkajian Kobkua berdasarkan bancian 1911, terdapat 16,377 Melayu Sam Sam di Kedah dan Perlis, manakala dianggarkan terdapat 18,000 hingga 21,000 di Satun, Thailand.

“Disebabkan sudah berasimilasi dengan penduduk Melayu negara

ini, Melayu Sam Sam ini bertutur dalam bahasa Melayu dengan masyarakat setempat namun menggunakan bahasa Siam apabila bertutur dengan ahli keluarga mereka,” katanya.

Antara negarawan yang berketurunan Melayu Sam Sam adalah Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Bondanya adalah Che Manjalara atau nama Siamnya adalah Neang Nara Burirak, iaitu anak kepada Luang Nara Burirak yang juga wakil Diraja Thai di Mataban, Thailand.

